NIBM
NATIONAL INSTITUTES OF BIOTECHNOLOGY MALAYSIA

National Institutes of Biotechnology Malaysia (NIBM) yang ditubuhkan pada 27 Januari 2012 adalah sebuah konsortium institut-institut bioteknologi kebangsaan di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) beroperasi sebagai syarikat berhad dengan jaminan untuk menerajui penyelidikan, pembangunan, inovasi dan pengkomersilan bioteknologi moden. Konsortium ini terdiri daripada tiga institute iaitu Institut Agro-Bioteknologi Malaysia (ABI) di Serdang, Selangor, Institut Farmaseutikal danNutraseutikal Malaysia (IPharm) di Gelugor, Pulau Pinang, dan Institut Genom Malaysia (MGI) di Bangi, Selangor. NIBM mempelawa individu yang berkelayakan, berpengalaman, dinamik, dan bersedia untuk bekerja kuat menyertai organisasi kami bagi jawatan seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| 1. | Pengurus Akaun dan Kewangan (Gred 5– Jawatan Tetap) (Pejabat Pengurusan Korporat, NIBM) | Deskripsi Tugas:<br>1. Menyediakan laporan pengurusan bulanan,penyata kewangan untuk kegunaan luaran dan dalaman termasuk menyediakan laporan analisis suku tahunan, laporan kewangan projek dan sebagainya;<br>2. Membangunkan, melaksanakan dan mengkaji semula dasar dan prosedur Jabatan/Bahagian Kewangan serta mengusul sebarang prosedur baru sekiranya diperlukan;<br>3. Menyediakan belanjawan syarikat;<br>4. Memantau dan meneliti aktiviti-aktiviti perbankan dan perjalanan aliran tunai syarikat;<br>5. Bertanggungjawab dalam memastikan pematuhan undang-undang dalam melaksanakan audit, cukai, dasar syarikat, GST/SST dan sebagainya. Sentiasa berhubung dengan juruaudit, ejen cukai, Kastam, pihak bank, setiausaha syarikat serta badan berkanun/professional yang berkaitan;<br>6. Membantu Ketua Pegawai Kewangan dalam melaksanakan tugas-tugas yang berkaitan;<br>7. Lain-lain tugas yang diarahkan dari semasa ke semasa.<br><br>Kelayakan dan pengalaman:<br>1. Warganegara Malaysia;<br>2. Ijazah Sarjana Muda Perakaunan atau Kewangan;<br>3. Calon yang berpengalaman dalam pengurusan audit dan cukai serta boleh melapor diri secepat mungkin adalah merupakan satu kelebihan;<br>4. Memiliki sekurang-kurangnya sepuluh (10) tahun pengalaman dalam bidang akaun dan kewangan. |

Calon-calon yang memenuhi keperluan dan syarat-syarat kelayakan yang tertera di atas dijemput menghantar *resume* yang lengkap dengan menyertakan butir-butir peribadi, kelayakan serta pengalaman, nombor telefon untuk dihubungi, salinan sijil-sijil berkaitan serta sekeping gambar berukuran passport (tidak dikembalikan) kepada:


**BAHAGIAN SUMBER MANUSIA,**
**NATIONAL INSTITUTES OF BIOTECHNOLOGY MALAYSIA,**
Pejabat Pengurusan Korporat, Aras 2,
Kompleks Agro-Biotechnology Institute (ABI),
d/a Ibupejabat MARDI, 43400 Serdang, Selangor.
Tel: 03-8949 5687
Emel:recruitment@nibm.my


Hanya calon-calon yang disenaraipendek sahaja akan dihubungi.

Tarikh tutup permohonan**: 16 Julai 2018**